

DATE: 14 / 12 / 2007

Projek tebatan banjir diutamakan: Abdullah

BH - 14/12/2007

Langkah kurangkan kerugian di negeri teruk ditimpa bencana

Oleh Zulkofli Jamaludin

KUANTAN: Kerajaan akan membina projek tebatan banjir di negeri yang teruk dilanda bencana itu seperti Johor dan Pahang bagi mengurangkan kerugian harta benda, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata beliau membuat lawatan bagi mendapatkan maklumat mengenai situasi banjir dan mengenal pasti sama ada kerajaan negeri membuat persiapan secukupnya menghadapi bencana itu.

Beliau bagaimanapun tidak men-

elaskan mengenai projek tebatan yang akan dilaksanakan itu.

"Saya lihat Pahang sudah menyediakan semua keperluan bagi membantu mangsa banjir," katanya pada sidang media selepas melawat keadaan banjir di daerah Bera dan Maran semalam.

Perdana Menteri yang ditemani isteri, Datin Seri Jeanne Abdullah mengadakan lawatan kerja sehari ke Pahang. Turut sama Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Beliau bagaimanapun membatalkan lawatan ke Kuala Krau, Temerloh berikutan helikopter yang dinaiki terpaksa berpatah balik kerana cua-

ca tidak mengizinkan.

Sebelum melawat mangsa banjir, Perdana Menteri mendengar taklimat mengenai banjir di Pahang selama 90 minit di Wisma Sri Pahang yang turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Hingga jam 5 petang, seramai 22,143 daripada 5,496 keluarga berada di sebanyak 204 pusat pemindahan di lapan daerah di Pahang, berbanding 12,063 daripada 2,123 keluarga kelmarin.

Peningkatan jumlah mangsa banjir kerana daerah Lipis turut dinaiki air lewat malam kelmarin yang me-

nyebabkan 104 daripada 22 keluarga dipindahkan.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata beliau mengadakan lawatan kerja untuk mengetahui pelaksanaan yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Ada beberapa permintaan dalam Koridor Ekonomi Pantai Timur (ECER) di Pahang dan kita akan mempertimbangkan permintaan itu," katanya.

Abdullah juga mahu pentadbiran di Pahang dapat menjayakan semua perancangan dalam ECER dengan cekap.